



Let's keep our children
SAFE @TASKA @HOME

Organized by:



Supported by:



Untuk Edaran

KENYATAAN AKHBAR PERSATUAN PENGASUH BERDAFTAR MALAYSIA



SEMPENA SAMBUTAN HARI TASKA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016 13 OGOS 2016 THE SCHOOL, JAYA ONE, PETALING JAYA, SELANGOR

Sambutan HARI TASKA PERINGKAT KEBANGSAAN 2016 yang berlangsung pada 13hb Ogos 2016 di THE SCHOOL, JAYA ONE, PETALING JAYA, SELANGOR, adalah dianjurkan oleh **Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia** dan **Persatuan Taska Negeri Selangor** dengan kerjasama **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara, DiGi dan The School Jaya One**.

Majlis Sambutan HARI TASKA 2016 ini adalah dirasmikan oleh **YB Dato" Sri Rohani Abdul Karim, Menteri, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** pada 13 Ogos 2016 jam 10 pagi.

Tema sambutan HARI TASKA 2016 adalah "**KESELAMATAN KANAK KANAK DI TASKA & DI RUMAH**". Matlamat utama Sambutan HARI TASKA pada tahun ini adalah untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengusaha, pengasuh, ibu bapa dan masyarakat tentang betapa pentingnya menjaga keselamatan kanak-kanak sama ada semasa mereka berada di TASKA ataupun di rumah. Sambutan HARI TASKA 2016 juga akan dijalankan di seluruh negara oleh badan / persatuan diperingkat negeri yang mewakili pengusaha TASKA dan pengasuh berdaftar.



Let's keep our children
SAFE @TASKA
@HOME

Organized by:



Supported by:



Untuk Edaran Keselamatan kanak-kanak merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak, bukan sahaja oleh ibu bapa tetapi juga masyarakat dan kerajaan. Kanak-kanak hari ini terdedah kepada pelbagai gejala yang boleh menyebabkan mereka berada dalam situasi yang membahayakan. Langkah-langkah pencegahan haruslah di ambil supaya keselamatan kanak-kanak terpelihara dari sebarang bentuk kecuaiian atau penderaan sama ada penderaan fizikal, emosi, mental mahupun seksual.

Objektif utama Sambutan HARI TASKA 2016 adalah:

- Memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang perlindungan kanak-kanak semasa di rumah
- Menggalakan TASKA Berdaftar mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kecuaiian dan penderaan terhadap kanak-kanak.
- Memperkasakan komuniti melibatkan diri dalam kempen advokasi pencegahan kecuaiian dan penderaan kanak-kanak
- Melancarkan Portal www.asuhan.my
- Mempromosi #ReplyFor All-MY oleh UNICEF Malaysia, satu kempen melindungi kanak-kanak dari keganasan di dunia siber

Majlis SAMBUTAN HARI TASKA 2016 akan mengadakan pameran dan aktiviti yang dianjurkan oleh pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, NGO, TASKA/TADIKA, syarikat Korporat, ibu bapa dan kanak-kanak. Pelbagai pameran keselamatan kanak-kanak diadakan dan ibu bapa dan warga TASKA berpeluang mendapat maklumat tentang keselamatan kanak-kanak.

Sebagai acara kemuncak sambutan HARI TASKA 2016, YB Menteri akan melancarkan Portal www.asuhan.my yang diwujudkan oleh PPBM dan NCDRC dengan kerjasama KPWKM, JKMM dan DiGi Telecommunications. Seluruh masyarakat adalah dijemput untuk sama-sama meraikan majlis ini di samping menyokong usaha Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia mempromosi kempen “**Keep Me Safe**” pada tahun ini.



Let's keep our children
SAFE @TASKA
@HOME

Organized by:



Supported by:



Untuk Edaran

Maklumat lanjut:

www.ppbm.org

www.facebook.com/PPBMOOfficial

Kenyataan akhbar boleh dimuat turun di:

<http://ppbm.org/media-centre.html>

Atau hubungi:

Datin PH Wong, Presiden PPBM - 016 333 4228

Puan Norsheila Abdullah, EXCO PPBM - 012-265 2303